

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua

Sidang 1986/87

HSJ 231 - Tinjauan Sejarah Jepun

Tarikh: 6 April 1987

Masa: 2.15 ptg - 5.15 ptg
(3 Jam)

KERTAS PEPERIKSAANINI MENGANDUNGI LAPAN(8) SOALAN.

Jawab **EMPAT(4)** soalan.

1. "Walaupun budaya kebendaan orang Jepun [pada zaman awal] adalah lemah sehingga tertindih dengan segara oleh kebudayaan China... institusi-institusi sosial dan agama menampakkan dari beberapa segi tahap perkembangan yang lebih tinggi daripada apa yang diakui oleh ramai penulis."

(G.B. Sansom)

Bincangkan sejauh manakah anda bersetuju dengan penilaian Sansom itu terhadap tahap pencapaian budaya Jepun sebelum abad ke-7.

2. "Usaha Jepun menchinakan diri tidak dapat difahami tanpa merujuk kepada perubahan-perubahan mendalam yang sedang mempengaruhi negeri Yamato dan asas sosialnya pada abad ke-6".

(J.W. Hall)

Bincangkan betapa tepatnya pandangan Hall itu kepada memahami pembaharuan-pembaharuan Taika.

3. Bincangkan pendapat yang mengatakan kewujudan ladang-ladang swasta (shoen) dan kemunculan kaum kesatria menampakkan kegagalan usaha meniru contoh China.

4. Kaum kesatria berpeluang bertindak bebas lebih pada masa kesyogunan Ashikaga daripada masa kesyogunan Kamakura. Mengapa?
5. "Adalah lebih mudah dan lebih tepat menganggap sistem politik baru itu [Tokugawa] sebagai suatu negeri kacukan [hybrid state] yang diwujudkan oleh perikatan fiudal di atas dan oleh ikhtiar birokratik di bawah."

(P. Duus)

Bincangkan gambaran itu mengenai kesyogunan Tokugawa.

6. Kesedaran terhadap ancaman dari Barat mendesak pemimpin-pemimpin Meiji membina sebuah negara maju bukan sahaja sesuatu rejim baru. Nilaikan usaha-usaha mereka.
7. Masalah-masalah politik yang wujud pada tahun 1920-an dan 1930-an berpunca dari kelemahan-kelemahan perlembagaan Meiji. Bincangkan.
8. "Sejarah Jepun telah diubah secara istimewa oleh pendudukan Amerika selepas perang".

(A.M. Craig)

Bincangkan.

-ooooooo-